

Najib dan kesilapan percaturan PH

Malaysiakini

18 May 2020

Dr Al-azharri Siddiq Kamunri

ULASAN | Hari ini saya mahu mengulas beberapa isu penting politik negara khususnya yang melibatkan mantan Perdana Menteri, Najib Razak. Anggaplah pandangan saya ini sebagai sambungan kepada pandangan-pandangan saya di Malaysiakini sebelum ini.

Saya bersetuju dengan kenyataan Najib bahawa jika Pakatan Harapan (PH) meneruskan pelbagai projek mega seperti Rel Pantai Timur (ECRL), Transit Aliran Massa (MRT) dan RTS iaitu keretapi berkelajuan tinggi Kuala Lumpur-Singapura, Lebuhraya Pan Borneo dan sebagainya mungkin PH akan terus memerintah kerana ia memberi peluang pekerjaan kepada rakyat melalui projek-projek mega itu.

Malangnya, PH telah tergesa-gesa menghentikannya, menyambung semula selepas mengubahsuai pelan asal dan mengecilkan projek-projek tersebut yang akhirnya ia terganggu dan tidak lagi berjalan dengan sempurna. Di situlah

silapnya kerajaan PH.

Oleh kerana PH baru dan 'kebaruan' dalam kerajaan persekutuan, sesetengah mereka menggambarkan negara ini umpama baru terlepas daripada penjajahan "kolonialis".

PH umpama hendak membina negara ini semula seolah-olah segalanya kosong seperti tahun 1957 dahulu. Meminjam sana-sini, menjual sana-sini dengan alasan negara kekurangan wang, walhal fundamental ekonomi negara sangat kukuh.

Mana datang RM250 bilion

Apabila PH ditebuk oleh ahli-ahli mereka sendiri, kerajaan persekutuan akhirnya bertukar kepada Pakatan Nasional (PN) dan Perdana Menteri Muhyiddin Yassin mewarisi pandemik Covid-19 dengan tenang.

Muhyiddin mengumumkan pakej ransangan bernilai RM250 bilion, suatu angka yang mengejutkan kerana sebelumnya rakyat dimomokkan oleh PH kononnya negara tiada wang.

Rakyat tertanya-tanya dari mana RM250 billion itu datang sedangkan kerajaan PN tidak pergi ke Jepun, China, Singapura dan Brunei untuk meminjam wang?

Rakyat mulai curiga.

Apabila Riza Aziz dibebaskan tanpa dilepaskan (Discharge Not Amounting to Acquittal) beberapa hari lepas, ia menjadi penanda bahawa ada sesuatu yang tidak beres dengan tuduhan-tuduhan berkaitan syarikat pelaburan 1MDB.

Najib menjawab dengan sangat berhati-hati kepada Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang & Parlimen) Takiyuddin Hassan pula menuntut Mahathir supaya tidak hikpokrit.

Ketua Pendakwa Raya, Gopal Sri Rampal yang masih lagi lantikan mantan Peguam Negara, Tommy Thomas. Keputusan membebaskan ini menunjukkan ada sesuatu yang perlu dijelaskan mantan Tommy Thomas.

Fitnah ke atas Najib

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pula mengeluarkan kenyataan yang membuatkan Tommy Thomas semakin marah. Kenapa marah SPRM? SPRM hari ini bukan orang politik untuk menyebelahi sesiapa.

Ini menggambarkan ada sesuatu yang tidak jelas telah berlaku dan ia menjurus kepada fitnah ke atas Najib sekeluarga. Pendedahan perbualan telefon oleh

mantan ketua pesuruhjaya SPRM Lathefa Koya tempohari bukan saja gagal memalukan Najib, sebaliknya ianya menjadi bahan bukti untuk membersihkan nama Najib sekeluarga.

Apabila Riza dibebaskan, ia bukti jelas bahawa perniagaan syarikat 1MDB wujud, keuntungan dan kerugian wujud, pembayaran dan perjanjian penyelesaian hutang wujud, dan penglibatan pelabur-pelabur Emiriah Arab Bersatu (UAE) juga wujud.

Semasa saya di Dubai, saya juga mendengar tentang pelaburan IPIC dalam syarikat 1MDB walaupun saya tidak memahaminya.

Akhirnya, kerajaan PH gagal memenjarakan Najib. Ada pihak begitu yakin Najib akan menghuni penjara Sungai Buloh, saya fikir itu sangat keterlaluan.

Melihat situasai hari ini, saya tidak hairan jika kerajaan Sabah turut bertukar, kerana di Sabah aktiviti wakil rakyat melompat ke sana ke sini sudah menjadi perkara biasa sejak sekian lama.

Semasa di Amerika Syarikat, dalam majlis meraikan duta-duta luar negara, Presiden Trump telah menelefon Najib untuk menjemput Najib melawat Amerika Syarikat.

Hubungan baik Amerika Syarikat-Malaysia memberi kesan besar dalam banyak isu-isu diplomatik seperti isu di Laut China Selatan.

Apabila Trump-Muhyiddin bercakap

Hari ini, hubungan baik itu berterusan apabila Presiden Trump bercakap dengan Muhyiddin. Cara ini baru betul, berurusan dengan negara-negara kuasa besar seperti Amerika Syarikat dan China perlu dimanfaatkan, bukan menimbulkan masalah.

Jepun hari ini bukan Jepun tahun 1990an. Benar dulu Jepun datang ke Malaysia melabur secara besar-besaran, membawa banyak masuk syarikat-syarikat besar termasuk anak-anak syarikat mereka yang akhirnya menghasilkan peluang pekerjaan di kilang-kilang Jepun di Lembah Klang.

Tidak cukup pekerja tempatan, kilang-kilang terpaksa berkempen mempelawa orang-orang Sabah bekerja di kilang-kilang mereka. Tidak cukup juga, akhirnya kerajaan terpaksa mengambil pekerja-pekerja dari Bangladesh dan Vietnam.

Namun, Jepun hari ini tidak lagi dengan cara itu. Mereka lebih kepada penggunaan teknologi tinggi, tidak menggunakan banyak pekerja kerana semuanya dijalankan oleh robot, sistem komputer dan teknologi canggih. Apabila

perdana menteri ketujuh berulang-alik ke Tokyo untuk meminjam bon samurai, saya rasa Jepun tidak lagi hormat kepada negara kita.

Antara budaya orang Jepun ialah apabila kita bertemu mereka pada tahun 1990, mereka akan bantu apabila kita meminta bantuan. Apabila kita bertemu sekali lagi 30 tahun kemudian, mereka akan bertanya apa hasil kamu sekarang.

Jika mahu meminjam semula, maka mereka tidak lagi menghormati kita. Sebab itu, di Jepun amat kurang orang meminjam dengan bank.

Jika Najib dilepaskan...

Masalah yang dihadapi 1MDB serupa sahaja apa yang dialami Perwaja, Bakun, Bank Bumiputera, Proton yang setiap tahun memerlukan bantuan Kerajaan, dan lain-lain projek mega. Kita hanya perlu pengurus syarikat yang patriotik, bukan pengurus syarikat yang berpengalaman sahaja.

Jika Najib dilepaskan seperti Riza ia kerana pihak pendakwaan tidak berjaya membuktikan sepenuhnya penglibatan Najib dalam permasalahan pengurusan 1MDB.

Sebenarnya, mana-mana perdana menteri biasanya akan menjalankan

tanggungjawab memantau dan menasihati syarikat-syarikat strategik kerajaan supaya ia berada di landasan yang tepat untuk membawa Malaysia ke mercu kejayaan. Kerajaan terpaksa menubuhkan syarikat untuk berniaga kerana kerajaan tidak boleh berniaga.

Kredibiliti SPRM dan Jabatan Peguam Negara (AGC) hari ini sangat meyakinkan. Najib bukan lagi perdana menteri, Najib tidak berada dalam sistem kerajaan. Maka, jika Najib dibebaskan seperti Riza, ia kerana kegagalan pihak pendakwaan membuktikan sepenuhnya penglibatan Najib dalam pertuduhan-pertuduhan itu.

Najib bukan hakim

Ramai orang berfikir seseorang perdana menteri itu boleh mengarahkan mahkamah untuk membebaskan seseorang yang didapati bersalah. Najib sebenarnya tidak pernah mencampuri urusan mahkamah. Sebab itu semasa Najib menjadi perdana menteri, banyak kes yang melibatkan kerajaan atau individu yang berada dalam kerajaan kalah di mahkamah.

Pada tahun 2017, orang kepercayaan Anwar Ibrahim meminta saya menyampaikan kepada Najib supaya membebaskan Anwar daripada penjara Sungai Buloh. Katanya Anwar sudah tua dan kesihatan tidak seperti dulu lagi.

Saya terangkan kepadanya itu bukan cara Najib. Najib bukan hakim dan Najib bukan orang yang boleh mengarahkan hakim membebaskan Anwar.

Namun, atas dasar kemanusiaan, Najib boleh memastikan kebajikan Anwar di dalam tahanan diberi perhatian.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malaysiakini.com/news/526244>